

25 NOV 1999

TANJONG MALIM (FOKUS)

TANJONG MALIM AKAN ADA KILANG PROTON & MERCEDES-BENZ

Oleh: Arul Rajoo

TANJONG MALIM, 25 Nov (Bernama) -- Dari sebuah bandar pertanian yang lebih kenali kerana kuih pau, Tanjong Malim kini sedia menjadi pengkalan industri automobil dan pendidikan.

Pembuat kereta nasional Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dan Mercedes Benz dari Jerman, akan membina kilang masing-masing di sini.

Upacara pecah tanah bagi kilang kedua Proton akan terletak di Bandaraya Proton dekat Behrang Ulu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1997, tetapi kelembapan ekonomi memaksa projek itu ditangguhkan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Loke Yuen Yow berkata beliau yakin projek itu akan bermula apabila pemulihan ekonomi mencapai tahap tertentu.

"Ia (Bandaraya Proton) tidak akan dipindahkan ke tempat lain," kata Loke yang akan mempertahankan kerusi Parlimen kawasan itu pada pilihan raya tahun ini.

Projek Bandaraya Proton dijangka menelan belanja lebih RM10 bilion untuk tempoh 14 tahun. Pada fasa pertamanya, ia dikatakan akan mengeluarkan 250,000 buah kereta setahun.

Bandaraya Proton terletak kira-kira 12 kilometer dari sempadan Perak-Selangor, sementara bandar Bidor di utara mungkin akan mempunyai sebuah kilang pengeluaran van Mercedes-Benz.

"Projek ini kini dirunding antara kerajaan negeri dan syarikat terbabit. Ia dirancang lebih awal tetapi sekali lagi kelembapan ekonomi menyebabkan kekacauan," kata Loke.

Di bawah Pelan Pembangunan Induk Tanjong Malim, satu kawasan perindustrian utama dan dua bandar besar akan dimajukan, katanya.

Sementara itu, sebuah jalan raya empat lorong bernilai RM100 yang menghubungkan Tanjong Malim dan Behrang Ulu kini dalam pembinaan dan dijangka siap menjelang pertengahan tahun depan.

Sebuah hospital yang menelan belanja RM166 juta di Slim River pula kini hampir siap.

"Hospital ini akan mempunyai pakar-pakar untuk para penduduk bukan sahaja Tanjong Malim tetapi Tapah dan Kuala Kubu Baharu," kata Loke.

Beliau berkata sementara maktab perguruan pertama di negara ini telah dinaik taraf menjadi University Pendidikan Sultan Idris, beberapa institut pendidikan tinggi telah dirancang untuk daerah itu.

Beliau berkata sebuah politektik akan dibina di Sungai Behrang sementara Institut Jabatan Ukur and Pemetaan akan dibina di Diamond Creeks, sebuah pusat peranginan berdekatan dengan Bandaraya Proton.

Loke berkata pembinaan sebuah jejambat di atas landasan keretapi di Tanjong Malim telah diluluskan dan tempatnya telah dikenal pasti.

"Dengan semua ini, Tanjong Malim akan menjadi kawasan perindustrian dan pendidikan baru. Ia akan merangsang pertumbuhan ekonomi dan menjana pekerjaan," katanya. -- BERNAMA

AR JR